



KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

TEKS UCAPAN

**SEMPENA MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH
PELANTIKAN AHLI *THINK TANK* @KKDW**

OLEH:

**YBHG. DATO' SRI RAMLAN BIN DATO' HARUN
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

07 JUN 2023 (RABU)

02:30 PETANG

**BILIK JAMUAN
ARAS 29 KKDW**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh,

Salam Malaysia Madani,

Salam Luar Bandar Sejahtera.

SALUTASI

(Seperti Lampiran)

KATA-KATA ALUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi akhirnya **Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Ahli *Think Tank* @KKDW** berjaya juga kita laksanakan pada petang ini setelah beberapa kali tertangguh atas kekangan masa dan juga tugas lain yang lebih perlu diutamakan.
2. Terima kasih di atas kehadiran YBhg. Datuk-datuk/ Dr./ Tuan-tuan/ Puan-puan. Saya tahu YBhg. Datuk-datuk/Dr./Tuan-tuan/Puan-puan mempunyai jadual yang padat. Saya sangat berbesar hati dengan kehadiran semua dan saya sebenarnya teruja untuk bercakap tentang penubuhan Kumpulan Pemikir KKDW atau *Think Tank* @KKDW.

YBhg. Datuk-datuk/Dr./Tuan-tuan/Puan-puan,

SENARIO PERKHIDMATAN AWAM

3. Kita semua sudah sedia maklum, peranan utama KKDW adalah mewujudkan luar bandar yang sejahtera. Kita juga tidak dapat menafikan bahawa pelbagai inisiatif dan program pembangunan di luar bandar telah dan sedang dilaksanakan untuk mencapai tujuan ini.
4. Kita semua juga boleh bersetuju bahawa dari semasa ke semasa kita berdepan dengan pelbagai cabaran dan isu yang memerlukan penyelesaian dan pendekatan baharu dalam penyampaian perkhidmatan Kementerian dan agensi.
5. Senario dan ekspekstasi pemegang taruh juga berubah mengikut keadaan semasa dan landskap politik negara. Perkara ini bukan baharu. Dimana-mana Kementerian dan agensi kerajaan turut menghadapi cabaran yang sama dalam melaksanakan peranan masing-masing.
6. Justeru, dalam usaha membolehkan daya perkhidmatan awam supaya dapat menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat tanpa batas sempadan Kementerian dan Agensi, Kerajaan telah mewujudkan Pasukan Petugas

Khas Reformasi Agensi atau *Special Taskforce on Agency Reform* (STAR) yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri KSN dan dianggotai oleh semua Ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan.

PENUBUHAN *THINK TANK* @KKDW

7. Selaras dengan agenda reformasi agensi yang diaspirasikan oleh YAB Perdana Menteri melalui Agenda Malaysia MADANI dan keperluan reformasi perkhidmatan awam, saya berpandangan kita juga perlu ada kumpulan pemikir di peringkat KKDW sebagaimana STAR di peringkat pusat.

8. Kumpulan ini akan meneliti dan melihat isu, cadangan atau idea baharu yang bersifat *low cost, high impact, rapid execution* dan *value for money* selari dengan gagasan Malaysia MADANI. Fokus kumpulan akan menumpukan kepada isu dan permasalahan agensi khususnya yang melibatkan isu antara agensi, kekangan perundangan atau peraturan yang menghalang, kos yang tidak wajar, pertindihan fungsi dan sebagainya.

9. Kementerian dan agensi mempunyai pegawai-pegawai yang berkebolehan. Tetapi pegawai-pegawai ini bertugas di Bahagian atau agensi yang berlainan dan sibuk dengan

tugas hakiki masing-masing. Pegawai juga terikat dengan masa, tugas dan *chain of command* yang membataskan kreativiti dan lontaran idea. Keadaan ini menyebabkan tiada ruang dan kesempatan bagi mereka berbincang dan berkongsi idea untuk tujuan penambahbaikan organisasi.

10. Sebab itu saya fikir kita perlu wujudkan kumpulan *Think Tank* @KKDW, supaya pegawai-pegawai yang terpilih ini bebas mengemukakan idea secara terus kepada Pengurusan Tertinggi Kementerian tanpa perlu melalui protokol yang lazim. Secara umumnya kumpulan pemikir ini boleh membantu Kementerian dan agensi melalui 3 cara:

10.1 Pertamanya, mencadangkan penyelesaian kepada isu-isu yang dihadapi oleh KKDW. Sebagai permulaan saya teruja untuk mendengar idea-idea inovatif kumpulan ini berhubung transformasi dan reformasi Kementerian dan agensi;

10.2 Keduanya, meneliti dan mengkaji cadangan-cadangan dari pihak luar yang kita terima dan kemudian mencadangkan kepada pihak pengurusan cadangan yang terbaik. Sebagai

contoh, ada kalanya saya menerima cadangan-cadangan dari pihak luar yang menarik untuk diteliti dan diperhalusi. Akan tetapi pada kebanyakan masa kita terlepas peluang yang baik di hadapan mata. Jadi inilah antara tugas yang saya kira amat kritikal untuk diperhalusi oleh kumpulan *Think Tank @KKDW*; dan

10.3 Ketiganya, mengemukakan idea baharu hasil daripada *brainstorming* ahli kumpulan masing-masing. Saya percaya pegawai yang dipilih sebagai *Think Tank@KKDW* mempunyai pengalaman kerja, pengetahuan dan *networking* serta pendedahan yang luas dan pelbagai. Semua ini adalah aset penting untuk percambahan idea idea ke arah penambahbaikan berterusan.

PEMILIHAN AHLI THINK TANK @KKDW

11. Ahli *Think Tank @KKDW* dipilih secara *hand picked* oleh pengurusan atasan Kementerian. Kita tengok dari pelbagai skill sets, terutamanya dalam aspek *critical thinking*, *project management*, *communication skill* dan *powerpoint masterclass*.

12. Tujuannya supaya melalui *Think Tank @KKDW* ini seboleh mungkin dapat kita gembengkan kelebihan-kelebihan yang ada pada setiap individu ini untuk menghasilkan penyelesaian isu, cadangan bernas dan inisiatif baharu untuk anjakan prestasi Kementerian dan agensi. Saya sedar tidak semua pegawai yang dipilih ini mempunyai *skill sets* yang sama, ada yang lebih dan ada yang kurang tetapi setiap pegawai mempunyai kekuatan tersendiri.
13. Oleh itu saya amat berharap supaya setiap pegawai boleh bekerjasama *to complement each other*, saling melengkapi dan bukannya saling bersaing untuk diri sendiri, supaya akhirnya kita dapat satu pasukan yang padu untuk mencapai *ultimate goal* kita : luar bandar sejahtera.
14. Saya ingin melihat *Think Tank @KKDW* ini sebagai satu platform yang memberi ruang dan peluang untuk pegawai-pegawai yang terpilih ini bukan setakat berfikir di luar kotak tetapi mungkin agak ekstrem - tanpa kotak. Saya percaya dengan kepelbagaian bakat, kebolehan dan potensi yang ada pada tuan/puan akan dapat membantu Kementerian dan agensi.

15. Sukacita saya ingatkan bahawa pelantikan ini bukanlah untuk selama-lamanya. Bilangan keahlian *Think Tank @KKDW* ini boleh bertambah dan boleh juga berkurang. Ia bergantung kepada keperluan dan pertimbangan pihak pengurusan Kementerian dari semasa ke semasa.

GERAK KERJA *THINK TANK @KKDW*

16. *Think Tank @KKDW* boleh bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk pihak luar atau mana-mana individu yang memiliki kepakaran tertentu. Demikian juga YBrs. Dr./Tuan-tuan/Puan-puan boleh membuat lawatan tapak sekiranya perlu. Untuk memudahkan urusan pentadbiran, *Think Tank @KKDW* ini akan berada di bawah Bahagian Perancangan Strategik KKDW.

17. Untuk kemudahan dan *flexibility* pelaporan *Think Tank @KKDW* ini, saya bersetuju supaya ahli *Think Tank @KKDW* ini diberikan laluan *green lane* untuk bertemu dan mendapat maklumbalas secara langsung daripada pengurusan tertinggi. Ini bermakna YBrs. Dr./Tuan-tuan/Puan-puan boleh bentangkan idea dan cadangan tanpa perlu mengikut saluran sedia ada misalnya Mesyuarat JKD, MPT dan lain-lain mesyuarat rasmi.

HARAPAN

YBhg. Datuk/Dr./Tuan-tuan/Puan-puan,

18. Perlu saya tekankan di sini bahawa, penubuhan kumpulan *Think Tank* ini sama sekali bukan bermakna Kementerian dan agensi kita gagal. Demikian juga ia tidak membawa maksud bahawa Bahagian Perancangan Strategik tidak memainkan peranan sebagai penyelarasa yang diharapkan. Tidak sama sekali.
19. Sebaliknya, kita telah banyak mengecapi kejayaan yang boleh kita banggakan hasil penat lelah oleh semua pihak samada dari sudut penyediaan infrastruktur luar bandar, pembangunan usahawan dan modal insan serta pendidikan termasuklah *Technical and Vocational Education Training* (TVET). Hasil usaha semua inisiatif-inisiatif ini telah menjadi *signature* kebanggaan warga Kementerian dan agensi.
20. Namun demikian, kita tidak boleh selamanya berbangga dengan kejayaan-kejayaan yang telah kita capai. Kita perlu berani mencabar diri kita secara berterusan dan keluar dari zon selesa meskipun usaha kita ada kemungkinan menemui kegagalan. Tetapi, itu bukan

alasan untuk kita terus berada di takuk yang sama. Kita perlu penambahbaikan yang berterusan. Saya petik kata-kata Winston Churchill (mantan Perdana Menteri United Kingdom);

"Success is not final; failure is not fatal: it is the courage to continue that counts."

21. Kementerian dan agensi tidak boleh terus dibuai dengan kejayaan-kejayaan yang lepas seolah-olah itulah destinasi terakhir dan kita hanya berusaha mengekalkannya. Dan walaupun ada program atau inisiatif yang gagal ia tidak seharusnya menjadi penamat.
22. Sebab itu, baru-baru ini saya telah meminta Bahagian Perancangan Strategik supaya melihat semula setiap KPI terutama KPI Tier 1, 2 dan 3. Saya mahu sasaran lebih bersifat *outcome base*. Misalnya jika KPI program tersebut bersifat keusahawanan, *outcome* akhir adalah peningkatan jualan/keuntungan peserta yang telah menerima bantuan kewangan atau latihan keusahawanan.
23. Demikian juga jika ia berkaitan program TVET, antara matlamat utama adalah meningkatkan kebolehpasaran graduan TVET. Namun, sekiranya kita dapat

meningkatkan kadar gaji/upah graduan TVET kita, itu adalah KPI *outcome* yang lebih baik.

24. Saya tahu bukan mudah untuk melakukan semua ini. Tapi sekiranya kita dapat gembungkan bakat, kebolehan dan pengetahuan yang ada pada pegawai-pegawai Kementerian dan agensi dengan berkesan, saya yakin kita boleh.

PENUTUP

25. Saya berharap dengan pelantikan ini YBrs. Dr./Tuan/Puan akan dapat bersama-sama memainkan peranan sebagaimana yang diharapkan. Dengan itu saya akhiri ucapan saya dengan kata-kata Henry Ford:

"Coming together is a beginning, keeping together is progress, working together is success."

Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.